

FOKUS

# SUKARELAWAN UniMAP

## BANTU MANGSA BANJIR PULAU PINANG



**GEORGETOWN**, Fenomena hujan lebat yang melanda negeri-negeri utara tanahair penghujung tahun lalu memberikan kesan yang sangat mendalam kepada penduduk Pulau Pinang. Ini kerana banjir kilat yang berlaku disifatkan sebagai paling buruk dalam sejarah negeri tersebut apabila hampir keseluruhan kawasan terjejas akibat hujan lebat berterusan yang mengakibatkan banjir berlarutan selama empat hari.

Kejadian banjir ini dikatakan sebagai kemuncak apabila kesemua lima daerah iaitu Timur Laut, Barat Daya di bahagian pulau serta Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan di tanah besar ditenggelami air.

Hujan lebat hampir 17 jam beserta angin kencang menyebabkan puluhan jalan dilutup, ribuan rumah ditenggelami air, ratusan pokok tumbang, tanah runtuh di beberapa kawasan dan tujuh nyawa terkorban.

Antara kawasan yang terjejas adalah Jalan P Ramlee, Lebuh Carnavon, Lebuh Muntri, Lorong Kinta, Jalan Anson, Lebuh Kimverly, Lebuh McNair dan beberapa kawasan di Seberang Perai.

Namun situasi pasca banjir adalah lebih buruk dengan lumpur yang menebal dan mengeras serta berdebu yang menyukarkan situasi masyarakat Pulau Mutiara ini.

Justeru, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terpanggil untuk bersama-sama Agensi Bukan Kerajaan (NGO) lain bagi menjalankan khidmat masyarakat kepada penduduk yang terjejas dengan banjir.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, dalam misi kali ini, UniMAP menghantar 740 sukarelawan untuk menyertai tiga fasa misi bagi membantu mangsa banjir.

Misi Pertama bermula pada 7, 9 dan 10 November 2017; Misi Kedua pada 11 dan 12 November 2017; dan Misi Ketiga pula 13 dan 18 November 2017.

"UniMAP komited dalam menjalankan Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) yang bermatlamat untuk membantu masyarakat dan mereka yang terlibat adalah warga UniMAP yang secara sukarela menawarkan diri untuk bersama-sama dalam program ini.

"Malah mereka kelihatan begitu gembira dalam melaksanakan misi bantuan ini walaupun kepernataan setelah sehari bertungkus lumus membantu membersihkan rumah dan kawasan sekitar yang terjejas dek banjir," katanya.

Bagi Low Hui Xuan, 20, pelajar jurusan Komunikasi Media Baharu UniMAP yang pertama kali melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan ini menyifatkan bahawa ia adalah pengalaman yang sangat manis buat dirinya.



"Saya berasa gembira dengan pengalaman pertama menyertai USR kerana dapat menolong orang yang berada dalam kesusahan tambahan pula saya sendiri selalu menjadi mangsa banjir apabila rumah saya di Pantai Baharu Kedah dinaiki air.

"Namun kini kejadian banjir tidak lagi berlaku kerana inisiatif kerajaan yang telah memperbesarkan longkang di kawasan tersebut," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi banjir. Malah beliau tidak akan teragak-agak untuk menyertai khidmat masyarakat, sekiranya bantuan darinya diperlukan lagi di masa akan datang.

Perkara tersebut turut disokong oleh Deveepriya A/P Sankaran, 20, pelajar jurusan Kejuruteraan Komputer yang merasa bangga kerana terpilih untuk menyertai program ini kerana baginya aktiviti seperti ini memberikan keinsiran kepada dirinya. "Berasa penat dan letihnya saya dan kawan-kawan ketika melaksanakan misi ini membuatkan saya berasa insaf dan membayangkan diri berada dalam situasi mangsa terasa begitu sukar dan menjadikan saya lebih menghargai kehidupan yang saya ada," katanya.

Untuk rekod, sepanjang tahun 2017, UniMAP telah menjalankan 30 aktiviti kesukarelawan dengan jumlah sejumlah 1875 sukarelawan yang terdiri daripada staf dan juga pelajar.